



JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (1) Jun 2020 (081-093)

Pengekalan Kosa Kata Budaya Dalam Kalangan Generasi Muda Masyarakat Jawa

¹Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin & ²Mardian Shah Omar
¹adibzakwanalqayyum@uitm.edu.my, ²mardianso@um.edu.my

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara
²Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Tarikh terima : 25 Mac 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 27 Mei 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Jun 2020
Published online

Abstrak

Walaupun bentuk komunikasi generasi muda masyarakat Jawa di Kampong Endah, Selangor telah banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu (BM) baku dan hasil percampuran kod, namun masih terdapat proses pengekalan kosa kata Jawa dalam penggunaan bahasa harian dalam kalangan generasi muda Jawa (GMJ). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengekalan kosa kata Jawa yang terdapat dalam bahasa harian GMJ ini terutamanya dalam aspek budaya masyarakat Jawa. Kajian ini juga meneliti aspek budaya yang banyak mempengaruhi dan berlakunya pengekalan kosa kata ini. Penelitian ini dilakukan melalui kaedah temu bual dan juga soal selidik di sekitar Kampong Endah, Selangor. Soal selidik dijalankan secara rawak ke atas 20 orang responden dalam kalangan masyarakat Jawa. 12 orang berumur 18 hingga 25 tahun dan 8 orang lagi terdiri daripada mereka yang berumur 28 hingga 35 tahun. Masing-masing merangkumi penutur lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati, berlakunya pengekalan kosa kata terutamanya dalam aspek budaya seperti kenduri kahwin, pakaian, peralatan rumah dan seumpamanya. Pengkaji telah mendapati berlakunya proses peralihan bahasa Jawa kepada bahasa Melayu oleh masyarakat Jawa di Kampong Endah. Kajian ini penting dalam melihat aspek kepelbagaian bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat Jawa dan juga suku kaum Jawa lain yang masih mengekal dan memelihara bahasa ibunda mereka sehingga ke hari ini. Kajian ini sudah pasti dapat memberi impak yang besar dalam senario linguistik masyarakat Jawa di negara ini sekali gus dapat meningkatkan penggunaan kosa kata bahasa Jawa dalam komunikasi harian BM baku.

Kata Kunci: Bahasa Jawa, generasi muda, kosa kata, budaya & pengekalan

Retention of Cultural Lexicon among Youth in the Selangor Javanese Community

Abstract

Despite being heavily influenced by standard (baku) Malay language (BM) and code-mixing, the Javanese youth (GMJ) of Kampong Endah, Selangor, has striven to maintain the use of Javanese lexicon in their daily communication. Hence, this research was conducted to identify how the Javanese lexicon is used daily amongst GMJ, especially in the context of culture within the above mentioned community. This study also aimed to analyse aspects of culture that could greatly influence and portray the use of such lexicon. Employing the technique of simple random sampling, a total of 20 male and female respondents from Kampong Endah, Selangor, were interviewed and given survey forms to fill. 12 respondents were aged 18 to 25 years old whereas

the remaining 8 respondents were aged 28 to 35 years old. The data collected showed that Javanese lexicon were used in settings such as wedding banquets and when explaining aspects of culture such as apparels and common household items. Data also showed that there has been a shift in language use, from Javanese to Malay, in the Javanese community of Kampong Endah. Therefore, this research is crucial in observing language variation within different Javanese communities which still preserve the use of their mother tongue today. Above all, this research can heavily impact the linguistics of Javanese people in Malaysia and subsequently promote the usage of Javanese lexicon in daily communication using standard Malay.

Keywords: Javanese language, young generation, lexicon, culture & retention (maintainance)

1. Pendahuluan

Generasi muda dalam kalangan masyarakat Jawa di Selangor kini semakin hari semakin terdedah dalam arus pemodenan dan sistem pendidikan yang lebih formal yang berteraskan sekolah kebangsaan. Kemajuan ini menjadikan mereka lebih berpendidikan dan berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Selain itu, kedudukan penempatan yang berdekatan dengan bandar-bandar utama dan kemudahan telekomunikasi, turut meluaskan lagi jaringan komunikasi mereka dengan dunia luar. Hal ini dipersetujui oleh kajian Karim Harun & Maslida Yusof (2015) yang menyatakan bahawa kemunculan media sosial telah mewujudkan wadah baharu dalam berkomunikasi dalam masyarakat Jawa daripada generasi ketiga. Hal ini secara tidak langsung telah memberi ruang kepada generasi muda ini untuk lebih bergaul dengan masyarakat Melayu lain dan membolehkan proses penyerapan bahasa mudah berlaku. Hal ini telah sedikit demi sedikit mengikis penggunaan bahasa Jawa itu sendiri dalam kalangan mereka. Justeru, Azie Yahaya (2019) dalam akhbar Sinar Harian, yang menulis artikel bertajuk “Kekalkan Tradisi Masyarakat Jawa”, menyarankan agar tradisi atau amalan berbudaya seperti kunjung-mengunjung atau dikenali sebagai *yuk munjung* diteruskan dalam generasi hari ini. Karim Harun & Maslida Yusof (2015), juga berpendapat bahawa dalam komunikasi harian, masih terdapat masyarakat Jawa yang mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam pertuturan harian mereka. Hal ini telah menarik perhatian pengkaji yang mendapati bahawa terdapat aspek yang signifikan dalam kalangan generasi muda Jawa (GMJ) hari ini, iaitu berlakunya proses pengekaln kosa kata dalam aspek-aspek tertentu. Tambahan pula kajian yang dilakukan oleh Alexander et al. (2019) terhadap remaja pelbagai bangsa yang hidup dalam komuniti masyarakat Dusun mampu mengekalkan kepenggunaan bahasa Dusun dalam kehidupan seharian dan mendapati mereka ini hanya berbahasa Dusun kerana mereka berada dalam lingkungan kehidupan dan persekitaran komuniti yang berbahasa Dusun. Bahasa ini tidak digunakan secara meluas seperti dalam komunikasi formal mahupun dalam persekitaran persekolahan. Bertitik tolak daripada kenyataan akhbar dan pengkajian terdahulu, kajian yang dilakukan ke atas generasi muda ataupun belia dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampong Endah, Selangor ini adalah wajar untuk dikaji. Ringkasnya, kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti aspek pengekaln kosa kata budaya dalam bahasa Jawa yang berlaku dalam GMJ mahupun para belia. Berdasarkan pemerhatian awal pengkaji, proses pengekaln kosa kata ini didapati lebih berfokus kepada aspek pembudayaan. Justeru, kajian ini turut meneliti pada item budaya apakah yang banyak berlakunya pengekaln kosa kata ini.

Pengekaln bahasa merupakan suatu proses dan kesinambungan linguistik merentasi zaman. Pengekaln ini merupakan cerminan bahawa kecukupan kawalan oleh orang asal dalam mengawal dan mempunyai proses interaksi berkesan yang mengekalkan budaya kaum mereka. Peralihan Bahasa pula merupakan satu indikator perubahan. Peralihan ini menunjukkan perubahan fungsi yang telah wujud dalam fungsi masyarakat yang wujud sebelumnya. Perubahan peranan, situasi dan domian menyebabkan sesebuah masyarakat tidak lagi menggunakan atau mengekalkan bahasa yang pernah digunakan secara turun temurun oleh generasi masyarakat terdahulu. Walaupun terdapat proses peralihan selain proses pengekaln, namun kajian ini lebih berfokuskan kepada proses pengekaln

yang berlaku. Penyelidik bahasa maklum bahawa, pengekaln dan peralihan bahasa merupakan teori Fishman yang wujud dalam bidang sociolinguistik (Garcia et al., 2006). Sejarah perkembangan teori ini telah berkembang bermula dalam kajian linguistik oleh Heinz Kloss (1927), Weinreich (1930-1932), Einar Haugen (1938), Charles Ferguson (1959) dan akhirnya dikukuhkan dan dikategorikan oleh Fishman pada tahun 1964 sebagai *Language Maintenance and Language Shift* (seperti yang disebut oleh Pauwels, 2016)

Masyarakat Jawa pada asalnya merupakan orang asal di kepulauan Jawa yang berhijrah atas faktor mencari peluang perniagaan. Menurut Khazin (1977), kedatangan masyarakat Jawa ke Selangor umumnya melalui tiga cara. Pertama melalui pengambilan profesional seperti syarikat dan agen yang dikenali sebagai sheikh. Kedua secara persendirian atas sebab-sebab tersendiri dan ketiga, terpedaya dengan sindiket penipuan walaupun kebanyakkan daripada mereka memasuki ke Selangor melalui agen (sheikh). Kajian ini meneliti pengekaln kosa kata budaya dalam kalangan GMJ yang terdiri daripada penduduk di Kampong Endah, Selangor. Kampong Endah merupakan sebuah kampung tersusun yang lahir daripada rancangan Briggs bagi mengelakkan ancaman komunis semasa darurat pada tahun 1948 hingga 1960. Kampung ini merupakan penyatuan tiga buah kampung terpencil yang berselerak di Daerah Kuala Langat iaitu Kampung Delik, Kampung Darat Batu (Ladang Batu) dan Kampung Ladang Lor, Kanchong Tengah. Penempatan kampung baharu ini diletakkan bersebelahan dengan kampung Kanchong Laut pada tahun 1952. Pada awalnya, kampung ini dikenali sebagai Kampong Pindah, kemudian menjadi Kampong Indah dan akhir sekali menjadi Kampong Endah kerana mengikut dialek majoriti masyarakat Kampong Endah yang berketurunan Jawa. Di Malaysia secara amnya, mereka kini dikenali sebagai salah satu kaum atau etnik dalam bangsa Melayu. Mereka berada dalam kategori masyarakat utama di Malaysia selain India dan Cina. Masyarakat ini pada awalnya menggunakan bahasa Jawa dalam pertuturan hariannya.

Kini, setelah menetap lama di Malaysia semenjak sebelum merdeka, perubahan lanskap masyarakat umum memaksa masyarakat Jawa ini mengasimilasikan diri untuk meneruskan kelangsungan hidup di Malaysia khususnya generasi selepas kemerdekaan. Oleh itu, mereka mengikut arus perdana untuk belajar bahasa Melayu dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kebangsaan. Bahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah menyebabkan anak-anak mereka cenderung untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Usaha pelestarian bahasa Jawa dalam jiwa anak-anak masyarakat ini pula terpulang kepada usaha ibu bapa dalam menerapkan nilai jati diri masyarakat mereka. Dalam perkembangan dari segi politik, ekonomi dan sosial masyarakat, GMJ ini dilihat dari segi usaha mereka dalam menyanjungi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan dalam masa yang sama memartabat dan melestarikan bahasa Jawa iaitu penggunaan bahasa Jawa dan bahasa Melayu dalam segala aspek kehidupan harian sama ada dalam berbincang mengenai politik, ekonomi dan juga sosial.

Perkara ini wajar dan amat sesuai untuk diteliti kerana perkembangan teknologi, pendidikan dan pembangunan di persekitaran Kuala Langat yang memperlihatkan perkembangan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menjadi dominan dan sekali gus mencetuskan persoalan bagaimanakah GMJ ini mampu meneruskan kepenggunaan bahasa Jawa dalam kehidupan seharian mereka. Dalam melihat kepenggunaan bahasa Jawa, kajian ini mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang timbul, iaitu sejauh mana pengekaln kosa kata Jawa berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat Jawa, Kampong Endah dalam kalangan generasi muda mereka. Pada masa yang sama, kajian ini turut mengenal pasti dalam aspek budaya yang manakah proses pengekaln ini berlaku.

2. Kosa Ilmu

Banyak kajian dalam kalangan sarjana tempatan yang memperkatakan tentang masyarakat Jawa di Malaysia seperti Soijah Likin (2009), Mohammad Firdaus dan Normahdiah (2014), Karim Harun dan Maslida Yusof (2015), Nurul Aznina dan Sharifah Raihan (2017), dan beberapa yang lain. Ada antara

mereka ini menyentuh tentang aspek bahasa Jawa itu sendiri dan ada juga yang membincangkan aspek seni bina Jawa. Walau bagaimanapun, dalam kalangan mereka ini belum ada yang membicarakan tentang penggunaan dan pengekalan kosa kata Jawa di Kampong Endah, Selangor. Mohammad Firdaus dan Normahdiah (2014) pernah memerihalkan masyarakat Jawa di Selangor, iaitu yang tertumpu di kawasan Sungai Leman, Sekinchan. Walaupun kajian ini turut mengambil golongan muda sebagai sampel kajian, namun kajian ini lebih tertumpu kepada pengaruh bahasa Jawa dalam pembauran kod atau percampuran kod (*code mixing*), iaitu bahasa Jawa ke dalam bahasa Melayu bagi penutur golongan muda berketurunan Jawa. Kajian mereka mendapati sememangnya wujud percampuran kod dalam penggunaan bahasa Jawa ke dalam bahasa kebangsaan (BM) terutamanya dalam perbualan harian. Mereka berpendapat, percampuran kod yang berleluasa ini perlu dibendung kerana berkemungkinan akan terbawa-bawa sehingga dalam perbualan formal dan akan merosakkan sesuatu bahasa.

Kajian Abd. Hadi (2017) pula menggunakan kajian Diglosia dan Loyalti Bahasa orang Asli Semai dalam bahasa Semai dan BM. Beliau mendapati, bahasa Semai dan BM kedua-duanya amat penting bagi orang Asli Semai dan mereka amat menjaga kedua-dua status bahasa mereka iaitu, BM sebagai bahasa rasmi, iaitu untuk kegunaan dan tujuan rasmi, dan bahasa Semai sebagai bahasa ibunda yang dipelihara. Selain itu terdapat juga kajian oleh Karim Harun dan Maslida Yusof (2015) yang meneliti aspek “Komunikasi Melayu-Jawa dalam Media Sosial”. Kajian ini tertumpu kepada komunikasi penutur Jawa dalam media sosial yang menggunakan kaedah pertukaran kod (*code switching*). Beliau melihat adanya pelestarian bahasa Jawa dalam masyarakat yang bertutur dan menggunakan bahasa Jawa dalam kehidupan seharian terutamanya dalam medium penggunaan komunikasi media sosial seperti ‘*WhatsApp*’. Pelestarian ini wujud kerana perinteraksian antara pengguna bahasa Jawa boleh dilakukan dengan lebih mudah, meluas dan cepat antara penuturnya dengan adanya teknologi kini. Kajian Soijah Likin (2009) pula melihat kepada budaya kelestarian Jawa dalam masyarakat Melayu dan pelbagai masyarakat lain di Pontian, Johor. Kajian beliau berjaya memperlihatkan penerimaan masyarakat Melayu, Bugis dan lain-lain dalam penerimaan budaya dan kosa kata Jawa dalam kehidupan seharian mereka. Penerimaan ini dilihat sebagai pelestarian kosa kata Jawa tersebut dan juga berlandaskan kedamaian dan keharmonian hidup bermasyarakat di kawasan sekitar.

Oleh sebab kajian ini mengaplikasikan teori pengekalan (Fishman seperti yang disebut oleh Garcia, 2006, Fasold, 1984, Ostler, 2011), maka kajian yang melibatkan penggunaan Teori Pengekalan dan Peralihan Bahasa (*language maintenance & language shift*) amat penting dan wajar diperjelas dalam kajian ini bagi memperlihatkan pergerakan dan kelestarian bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa muda. Contohnya, kajian oleh Hotma (2017), yang menampilkan kajian pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan Orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia. Kajian beliau ini telah mengenal pasti tanda-tanda pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Batak Toba di Indonesia. Beliau mendapati bahawa masyarakat ini turut mengalami kesukaran untuk mengekalkan bahasanya terutama apabila bertutur dengan masyarakat setempat yang lebih besar komuniti penuturnya. Oleh itu masyarakat ini akhirnya menggunakan bahasa Indonesia apabila bertutur dengan masyarakat tempatan dan juga sesama mereka mahupun sesama keluarga.

Kajian oleh Selvajothi (2017) pula meneliti peralihan dan pengekalan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat Tamil di Kuching, Sarawak. Beliau melihat situasi sebenar amalan penggunaan bahasa Tamil dalam masyarakat Tamil Kuching dengan menggunakan Teori Vitaliti Etnolinguistik. Beliau mendapati vitaliti atau pelestarian bahasa Tamil oleh masyarakat tersebut berada dalam tahap sederhana. Masyarakat tersebut sedar akan kepentingan penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris dalam kehidupan seharian namun mereka sedaya upaya cuba melestarikan dan mempertahankan penggunaan bahasa Tamil dalam kehidupan seharian.

Kedrebeogo (1988) pula melakukan kajian bertajuk *Language Maintenance and Language Shift in Burkina Faso: The Case of The Koromba*, iaitu merupakan salah satu kajian Teori Pengekalan dan Peralihan Bahasa. Dalam kajiannya, beliau mendapati faktor sosiopolitik menjadi salah satu faktor utama berlakunya pengekalan dan peralihan bahasa dalam masyarakat Koromba. Masyarakat Koromba di Burkina Faso merupakan masyarakat di Barat Afrika yang mempunyai multibahasa dan multietnik. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat dua golongan masyarakat Koromba, iaitu golongan masyarakat yang melakukan peralihan daripada bahasa budaya atau etnik atau ibunda kepada bahasa rasmi, iaitu Perancis dan terdapat golongan masyarakat yang mengekalkan bahasa budaya mereka kerana menolak sistem sosiopolitik (penyatuan bahasa). Kesimpulannya, pengekalan dan peralihan masyarakat ini masih dalam pergerakan kerana hasil kajian beliau mendapati golongan yang menyokong dan golongan yang menentang berada dalam golongan yang sama banyak dan proses pengekalan dan peralihan bahasa ini masih berterusan.

Teori Pengekalan dan Peralihan Bahasa diambil daripada Fishman 1964, 1968 dan 1972 (seperti yang disebut oleh Garcia, 2006). Fishman menyatakan tiga topik utama dalam menentukan pengekalan dan peralihan teori. Ringkasan yang pengkaji peroleh daripada tiga topik ini ialah pengekalan dan peralihan Bahasa dipengaruhi oleh bahasa komunikasi penutur, demografi, sosiologikal dan nasionalisme. Selain itu, ia juga dipengaruhi oleh budaya, sosial, dan psikologi (bandar dan luar bandar) dan akhir sekali sikap terhadap Bahasa dan pengaruh bahasa lain. Merujuk kepada topik yang pertama, pengekalan dan peralihan bahasa amat dipengaruhi oleh komunikasi harian penutur, latar belakang, sosiologikal penutur serta semangat kebangsaan penutur itu sendiri. Budaya, sosial dan psikologi penutur juga menjadi faktor berlakunya pengekalan dan peralihan bahasa khususnya dapat dilihat oleh masyarakat bandar dan masyarakat luar bandar. Faktor ketiga iaitu sikap penutur terhadap bahasa dan pengaruh bahasa lain juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi pengekalan dan peralihan bahasa iaitu sikap terhadap bahasa ibunda, dan bahasa asing yang diketahui oleh penutur.

Merujuk kepada Ostler (2011) pula, pengekalan sesuatu bahasa ialah bahasa yang dapat diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain apabila digunakan oleh penutur dan diterima oleh pendengar (generasi kemudian) serta diamalkan oleh pendengar itu sendiri. Peralihan bahasa menurut Fasold (1984) pula merupakan kewujudan keperluan bertutur sesuatu bahasa asing (Bahasa B) dalam masyarakat penutur (Bahasa A). Keperluan bertutur dalam Bahasa B inilah yang menyebabkan Bahasa A iaitu bahasa ibundanya tidak lagi dikekalkan dan akhirnya sesuatu komuniti itu semakin lazim berbahasa B, disinilah dapat dilihat peralihan bahasa itu berlaku. Kajian ini pula, pengkaji lebih tertumpu kepada penggunaan kosa kata budaya dalam masyarakat Jawa dan melihat peralihan bahasa Jawa kepada bahasa Melayu dan pengekalan bahasa Jawa itu sendiri. Pengkaji juga memilih untuk menggunakan teori pengekalan dan peralihan bahasa ke atas masyarakat penutur masyarakat Jawa di Kampong Endah, Selangor.

3. Kaedah Kajian

Kaedah yang dilakukan pengkaji menggunakan kaedah lapangan yang bersifat kualitatif. Pemerolehan data penyelidikan mengenai pengekalan dan peralihan bahasa ditentukan oleh data dan sumber data, kaedah kajian dan analisis data. Data kuantitatif diperoleh melalui soal selidik untuk mendapatkan demografi dan taburan soalan berdasarkan skala likert terhadap masyarakat Jawa di Kampong Endah, iaitu yang dilakukan secara rawak. Kajian ini menggunakan lima skala Likert (L), iaitu 1 (L_1) = sangat tidak setuju, 2 (L_2) = tidak setuju, 3 (L_3) = tidak pasti, 4 (L_4) = setuju dan 5 (L_5) = sangat setuju. Data Kualitatif pula diperoleh melalui pemerhatian, iaitu melalui temu bual tidak berstruktur. Proses temu bual yang diaplikasikan dalam sesuatu kajian adalah bertujuan untuk mengumpul data mengenai responden. Wimmer R. D. dan Dominick J. R (2003) berpendapat bahawa temu bual bersemuka boleh memberikan jawapan yang mendalam terhadap soalan-soalan yang dibangkitkan.

Responden terdiri daripada kaum lelaki dan kaum perempuan berumur dalam lingkungan 18-25 tahun dan 28-35 tahun. Soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A merupakan demografi dan Bahagian B berkaitan dengan aspek pengaruh, Bahagian C berkaitan dengan sikap dan akhir sekali bahagian D melibatkan aspek budaya. Penggunaan kaedah soal selidik pula adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih terperinci dan signifikan. Menurut Mohd Majid (2005), penggunaan soal selidik ini adalah untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Responden diambil secara rawak dari penempatan sekitar Kampong Endah. Data kuantitatif yang dikumpul adalah untuk melihat bacaan deskriptif seperti kekerapan dan statistik deskriptif. Data kuantitatif dilakukan untuk meneliti tahap pengekalan bahasa Jawa dan peralihan bahasa Jawa kepada bahasa Melayu sekiranya ada.

4. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Jadual 4.1 dan Jadual 4.2 merupakan jadual hasil dapatan mengenai Bahagian A: Demografi Responden, manakala Jadual 4.3 sehingga Jadual 4.5 merupakan jadual evaluasi responden yang mematuhi skala likert. Jadual 4.3 merupakan jadual mengenai Bahagian B: Maklum Balas Responden Terhadap Pengaruh Luar. Jadual 4.4 merupakan jadual mengenai Bahagian C: Maklum Balas Responden Terhadap Sikap. Akhir sekali Jadual 4.5 merupakan jadual mengenai Bahagian D: Maklum Balas Responden Terhadap Budaya. Jadual yang dipersembahkan dalam dapatan kajian digunakan untuk meneliti sejauh mana Teori Pengekalan Bahasa mempengaruhi komunikasi generasi muda masyarakat Jawa Kampong Endah khususnya dari aspek budaya.

Jadual 4.1: Mewakili Jantina Rospenden

Perkara	Lelaki		Perempuan		Jumlah	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Jantina	12	60.0	8	40.0	20	100.0

Data yang diwakili oleh Jadual 4.1 merupakan jadual yang memaparkan demografi berkenaan jantina responden. Bilangan responden lelaki adalah seramai 12 orang (60%), manakala bilangan responden perempuan seramai 8 orang (40%). Manakala data yang diwakili oleh Jadual 4.2 di bawah merupakan jadual mengenai umur responden. Responden yang berumur antara 18 hingga 25 tahun seramai 12 orang (60%), manakala bilangan responden berumur antara 28 hingga 35 tahun seramai 8 orang (40%).

Jadual 4.2: Mewakili Umur Responden

Perkara	18-25 tahun		28-35 tahun		Jumlah	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Umur	12	60.0	8	40.0	20	100.0

Berdasarkan analisis hasil soal selidik, pengkaji telah mengkategorikan dapatan kajian ini kepada tiga aspek, iaitu pengaruh luar, sikap dan budaya yang mempunyai hubung kait dengan pengekalan kosa kata budaya dalam kalangan GMJ. Ketiga-tiga aspek ini dipaparkan dalam bentuk jadual dan ditunjukkan dalam nilai peratusan. Jadual skala likert 4.3 di bawah menunjukkan data maklum balas reponden bagi keseluruhan bahagian B, iaitu yang menunjukkan aspek pengaruh luar yang mempengaruhi pengekalan bahasa Jawa. Data daripada jadual ini menunjukkan 45% daripada responden bersetuju dan sangat bersetuju menyatakan aspek pengaruh rakan sebaya (S1) dapat mempengaruhi GMJ dalam mengekalkan kosa kata Jawa dalam komunikasi harian mereka dalam kalangan masyarakat Jawa. Hanya 25% daripada responden adalah tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap aspek pengaruh rakan sebaya ini. Dalam hal ini mereka berpendapat bahawa pengekalan kosa kata Jawa ini bukanlah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Rata-rata responden

kajian ini tidak bersetuju dan tidak pasti bahawa pengaruh keluarga di rumah (S2) mempengaruhi dan memainkan peranan dalam proses pengekalan ini, iaitu dengan peratusan sebanyak 45%.

Jadual 4.3: Bahagian B - Maklum Balas Responden Terhadap Pengaruh Luar

Soalan	Indikator										Jumlah	%
	L1		L2		L3		L4		L5			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
S1	1	05.0	4	20.0	6	30.0	6	30.0	3	15.0		
S2	3	15.0	3	15.0	9	45.0	4	20.0	1	05.0		
S3	2	10.0	1	05.0	8	40.0	6	30.0	3	15.0	20	100.0
S4	5	25.0	5	25.0	6	30.0	4	20.0	0	00.0		

Bagi aspek pengekalan penggunaan kosa kata Jawa di majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan (S3), data menunjukkan 45% responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa berlakunya proses pengekalan kosa kata budaya ini. Terdapat sebanyak 40% yang tidak pasti sama ada pengekalan kosa kata budaya itu berlaku dalam kalangan GMJ memandangkan mereka sendiri tidak mengenal pasti sama ada kosa kata yang digunakan itu sememangnya berasal dari bahasa Jawa ataupun bahasa Melayu baku. Ini memperlihatkan wujudnya pengekalan bahasa Jawa dalam GMJ di Kampong Endah. Sebanyak 50% tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju bahawa pengekalan kosa kata budaya ini berlaku ketika perjumpaan di luar (S4) dalam kalangan GMJ ini ataupun GMJ dengan orang luar. Ini menunjukkan sebahagian GMJ hari ini sudah berasimilasi dengan penggunaan bahasa Melayu dan lebih senang menggunakan bahasa Melayu iaitu peralihan bahasa daripada bahasa Jawa kepada bahasa Melayu dalam komunikasi harian mereka. Data yang ditunjukkan melalui Jadual 4.4 di bawah menunjukkan maklum balas reponden bagi keseluruhan bahagian C yang menyumbang kepada data kajian. Berdasarkan data, hanya 25% yang tergolong dalam kategori bersetuju/ sangat bersetuju dalam menunjukkan sikap mereka yang lebih selesa atau senang berbahasa Jawa ketika berkomunikasi harian. Dapatan ini menunjukkan GMJ ini lebih serasi dan sudah terbiasa dalam menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa. S2 menyokong pernyataan di atas apabila sebanyak 75% daripada keseluruhan responden lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa apabila berkomunikasi dengan orang luar. Ini membuktikan GMJ di Kampong Endah ini lebih menerap penggunaan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa iaitu berlakunya peralihan bahasa Jawa kepada bahasa Melayu.

Jadual 4.4: Bahagian C - Maklum Balas Responden Terhadap Sikap

Soalan	Indikator										Jumlah	%
	L1		L2		L3		L4		L5			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
S1	1	05.0	2	10.0	12	60.0	5	25.0	0	00.0		
S2	1	05.0	0	00.0	4	20.0	4	20.0	11	55.0		
S3	0	00.0	2	10.0	8	40.0	7	35.0	3	15.0	20	100.0
S4	0	00.0	1	05.0	7	35.0	6	30.0	6	30.0		
S5	1	05.0	2	10.0	4	20.0	8	40.0	5	25.0		

S3 menilai sikap gemar GMJ ini dalam bertutur bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa. Sekali lagi data menunjukkan separuh daripada bilangan responden gemar untuk menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa. Manakala 40% tidak pasti tentang perkara ini. Di sini pengkaji yakin bahawa hal ini berlaku kerana GMJ ini sudah sehati dalam penggunaan bahasa Melayu berbanding

bahasa Jawa sehingga mereka tidak dapat membezakan penggunaannya. Sebanyak 60% bersetuju dan sangat bersetuju bahawa GMJ ini masih mengekalkan penggunaan bahasa Jawa hanya pada situasi dan waktu-waktu tertentu (S4). Hal ini secara tidak langsung menyumbang dalam pengekalan bahasa (kosa kata) Jawa dalam kehidupan mereka. Manakala sejumlah 65% bersetuju dan sangat bersetuju bahawa GMJ ini turut mempraktikkan percampuran kod di antara bahasa Melayu dengan Jawa (S5). Ini menunjukkan, berlakunya peralihan bahasa Jawa ke dalam bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa dominan di Malaysia dan menjadi keperluan oleh seluruh rakyat Malaysia memahami dan berbahasa Melayu. Rata-rata dapatan soal selidik pada bahagian C ini lebih menunjukkan GMJ hari ini lebih didominasi oleh penggunaan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa.

Data yang ditunjukkan oleh Jadual 4.5 di bawah merupakan jadual skala likert yang mewakili keseluruhan bahagian D, iaitu maklum balas responden yang berkaitan dengan amalan tradisi dan budaya masyarakat Jawa. Oleh kerana kajian ini memberi tumpuan terhadap penelitian pengekalan kosa kata budaya oleh GMJ, maka pengkaji akan memberi fokus pada bahagian ini. Soal selidik yang diajukan kepada responden pada bahagian ini rata-ratanya menanyakan tentang pengetahuan dan keakraban responden terhadap kosa kata Jawa yang diuji. Misalnya pada S1, S2, S3 dan S7, responden diuji kefahamannya tentang kosa kata kata *medang* (makan), *begedil*, *nasi ambeng* dan *tempe*. Hasil kajian menunjukkan masing-masing menandakan 60%, 70%, 85% dan 70% daripada responden bersetuju dan sangat bersetuju tentang berlakunya proses pengekalan kosa kata budaya dalam konteks makanan tradisional Jawa dalam komunikasi harian GMJ.

Jadual 4.5: Bahagian D - Maklum Balas Responden Terhadap Budaya

Soalan	Indikator										Jumlah	%
	L1		L2		L3		L4		L5			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
S1	0	00.0	3	15.0	5	25.0	6	30.0	6	30.0		
S2	1	05.0	1	05.0	4	20.0	9	45.0	5	25.0		
S3	0	00.0	1	05.0	2	10.0	8	40.0	9	45.0		
S4	1	05.0	1	05.0	2	10.0	6	30.0	10	50.0		
S5	0	00.0	0	00.0	3	15.0	4	20.0	13	65.0	20	100.0
S6	2	10.0	0	00.0	5	25.0	6	30.0	7	35.0		
S7	0	00.0	1	05.0	5	25.0	2	10.0	12	60.0		
S8	1	05.0	2	10.0	3	15.0	4	20.0	10	50.0		
S9	1	05.0	1	05.0	5	25.0	5	25.0	8	40.0		

Hal ini membuktikan bahawa GMJ mempunyai pengetahuan budaya lazim yang berkaitan dengan makanan tradisional masyarakat Jawa, iaitu *sambal* dengan *begedil*, adat makan *nasi ambeng* serta *tempe* pada acara tertentu oleh masyarakat Jawa serta kosa kata perbuatan, iaitu seperti *medang*. Pengetahuan budaya lazim inilah yang menjadi pengekalan bahasa Jawa dalam GMJ Kampung Endah.

Hasil kajian turut menunjukkan pengetahuan dan penggunaan yang berterusan ada pada GMJ apabila data memaparkan maklum balas responden, iaitu sejumlah 80% (S4), 85% (S5) dan 65% (S6) yang mewakili nilai kefahaman GMJ terhadap *adat monjong* (beri berkat atau makanan kepada orang) masyarakat Jawa, adat *kejebos* atau *rewang* (tolong-tolong atau gotong-royong kenduri). Nilai yang tinggi yang ditunjukkan oleh S4-S6 menjelaskan bahawa GMJ ini masih mengguna dan mengekalkan kosa kata Jawa ini pada hal-hal dan situasi tertentu. Hal ini terbukti dan diperkukuhkan lagi dengan aspek sikap GMJ ini yang mengekalkan penggunaan bahasa Jawa pada situasi dan waktu tertentu, iaitu seperti yang dinyatakan oleh S4 pada jadual 4.2. Bagi S8 dan S9 pula merupakan indikator untuk

menilai kefahaman dan meneliti usaha pengekalan kosa kata adat Jawa seperti *jiblon* (aktiviti melompat ke dalam air) dan adat memakai kain batik atau kain pelikat semasa mandi dalam masyarakat Jawa. Dalam hal ini kedua-dua indikator S8 dan S9, masing-masing menunjukkan nilai sebanyak 70% dan 65%. Ini membuktikan pengekalan bahasa Jawa masih kuat dan diwarisi oleh GMJ dalam kehidupan seharian mereka.

Hasil dapatan melalui temu duga pula, pengkaji mengkategorikan kosa kata budaya yang diteliti kepada lima aspek, iaitu budaya aktiviti keramaian, makanan tradisi masyarakat Jawa, pakaian, alatan, dan lain-lain aspek. Rata-rata, dapatan kajian menunjukkan bilangan kosa kata bagi budaya aktiviti keramaian merupakan bilangan yang paling banyak berlaku pengekalan. Keberkesanan penggunaan dan pengekalan kosa kata Jawa dalam GMJ banyak terlihat khususnya dalam melaksanakan aktiviti atau program seperti majlis-majlis keramaian atau keraian di sekitar kawasan kampung. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pengekalan kosa kata ini juga terpancar melalui budaya makanan yang ada kerana mereka mempunyai panggilan khas untuk nama makanan khususnya makanan tradisi masyarakat Jawa. Seterusnya pakaian dan alatan, iaitu istilah atau panggilan lazim yang wujud dalam bahasa Jawa. Lain-lain aspek pula merangkumi pelbagai kosa kata Jawa, iaitu kosa kata yang bersifat umum yang wujud dalam bahasa Jawa.

Dalam budaya majlis keramaian atau aktiviti keraian, GMJ masih mengekalkan dan melestarikan penggunaan kosa kata Jawa dan penggunaan ini membawa maksud tertentu dalam komunikasi harian. Contohnya, apabila mereka hendak bergotong-royong, kosa kata *rewang*, *gejobos*, *sambatan*, dan *kerigan* digunakan, iaitu yang membawa maksud tertentu dalam bergotong-royong. *Rewang* merupakan gotong-royong yang lazim didengari apabila melakukan majlis kahwin, namun ada sesetengah tempat dalam kalangan masyarakat Jawa itu sendiri tidak menyebut *rewang*, tetapi *gejobos*. Bagi sesetengah orang Jawa *gejobos* merujuk makna yang berbeza dengan *rewang*, kerana *gejobos* merujuk kepada aktiviti gotong-royong semasa majlis perkahwinan manakala *rewang* merupakan gotong-royong sebelum majlis perkahwinan. Kosa kata *sambatan* pula merupakan gotong-royong secara kecil-kecilan dan selalunya dalam tiga hingga lima orang sahaja. Kosa kata *kerigan* pula merupakan istilah lain bagi gotong-royong dalam masyarakat Jawa di Kampong Endah, namun sesetengah masyarakat mengkategorikan *kerigan* sebagai aktiviti gotong royong bagi membersihkan masjid, kubur, semak dan yang seumpamanya.

Budaya aktiviti majlis pula mempunyai banyak makna yang berbeza seperti *mantu*, *slametan*, *bancaan*, *among-among*, *yasinan*, *mitoni*, *puputan*, *muyi*, *lek-lek'an* atau *muyi lek-lek'an* dan *unggahan*. Pemberian majlis pula boleh diperkayakan dengan kosa kata seperti *nyumbang*, *berkat* dan *salam kerok* atau *becek*. Kosa kata *mantu* merujuk kepada istilah majlis perkahwinan. Kosa kata *keslamatan* atau *slametan* pula merupakan rujukan kepada majlis kesyukuran atau doa selamat atau tahlil. *Bancaan* pula merupakan kosa kata yang merujuk kepada aktiviti yang sama seperti *keslamatan* tetapi secara kecil-kecilan. Hal ini menunjukkan adanya pemeringkatan dalam kosa kata Jawa yang merujuk kepada saiz sesuatu majlis tersebut. Kosa kata *among-among* merupakan rujukan kepada majlis *weton*, iaitu majlis hari lahir. *Yasinan* merupakan majlis bacaan yasin yang selalunya dilakukan di dalam acara *bancaan* atau *slametan*. *Mitoni* pula merupakan kosa kata yang merujuk kepada majlis doa selamat sempena bayi tujuh bulan dalam kandungan ibunya. Acara ini dalam budaya Melayu dikenali sebagai melenggang perut. *Puputan* pula merupakan majlis *cukur jambul* atau *tahnik* untuk bayi baru lahir. *Muyi* pula merupakan kosa kata yang mewakili aktiviti menziarahi bayi yang baru lahir. Selain itu, *lek-lek'an* atau *muyi lek-lek'an* merupakan majlis berzanji kaum lelaki yang dilakukan sepanjang malam selalunya tujuh hari berturut-turut sebelum majlis kesyukuran (*bancaan*, *slametan*) bayi. *Unggahan* pula merupakan kosa kata bagi majlis kesyukuran yang dilakukan sempena menyambut bulan Ramadan. Majlis ini selalunya akan mempunyai aktiviti seperti *nyumbang*, iaitu pemberian berbentuk wang kepada pihak majlis sebelum hari majlis bagi tujuan meringankan beban kewangan mereka. Selalunya juga *nyumbang* ini sering dilakukan dalam majlis perkahwinan (*mantu*).

Aktiviti *salam kerok* atau *becek* juga sering dilakukan khususnya *mantu*, iaitu pemberian wang semasa majlis berlangsung. Berkat pula pemberian bungkusan makanan ketika majlis selalunya berasaskan nasi atau makanan berat iaitu makanan lebihan selepas majlis kepada tetamu-tetamu yang ada ketika itu untuk dibawa pulang.

Selain daripada itu, terdapat juga aktiviti lain seperti kosa kata *layat* untuk ziarah ke rumah si mati sama ada si mati masih ada mahupun tidak. Aktiviti *munjong*, iaitu memberi makanan kepada jiran, saudara-mara, dan atau rakan-rakan turut mengalami pengekaln dalam kosa kata Jawa. Kosa kata *baraan* pula merujuk kepada aktiviti yang selalu dilakukan oleh kaum muda dan atau golongan dalam kumpulan semasa berhari raya, iaitu berkonvoi atau ziarah yang selalunya boleh diiringi sama ada dengan doa, nyanyian, selawat ataupun takbir yang dilakukan secara individu ataupun dalam kumpulan yang lebih besar, iaitu secara beramai-ramai dari sebuah rumah ke sebuah rumah tetamu lain. Kesimpulannya dalam bahagian budaya aktiviti majlis, pengekaln kosa kata bahasa Jawa ini dapat dilakukan kerana masyarakat Jawa kampung ini mempunyai rasa tanggungjawab untuk melestarikan budaya Jawa itu sendiri masih menjadi amalan masyarakat Jawa Kampong Endah. Hal ini amat bertepatan dengan Ostler (2011) yang menyatakan keberlangsungan sesuatu bahasa itu berlaku apabila bahasa penutur diterima oleh penerima bahasa dan digunakan dalam kehidupan seharian.

Seterusnya pengekaln kosa kata juga dapat dilihat dari segi budaya makanan tradisi Jawa. Antara budaya makanan yang masih dipelihara kosa katanya oleh GMJ adalah seperti *sego ambeng*, *sego bancaan*, *ayam engkong*, *serunding*, *ayam penyet*, *bubur abang*, *lempeng*, *sambal getuk*, *sambal ijo* dan *tempe*. Makanan jenis sayur-sayuran pula, *ulaman* dan *pecel*. Bagi kuih-muih pula adalah seperti *ketewel*, *jenang*, *bahulu gulung*, *lemper*, *koci*, *tumtuman*, *lemet* dan *getas*. Antara kosa kata yang mewakili kerepek dan keropok pula adalah seperti *empeng*, *rempeyek*, *tumpi* dan *rengginang*. Kesimpulannya, pengekaln kosa kata bahasa Jawa mengenai makanan tradisi ini sedikit sebanyak memperkayakan bahasa Jawa dalam kehidupan GMJ. Pengekaln bahasa ini seterusnya membantu GMJ untuk memahami dan mengamalkan makanan tradisi mereka.

Seterusnya dalam kategori pakaian dan peralatan pula, tidak banyak pengekaln kosa kata yang diperolehi oleh pengkaji kerana rata-rata responden mengatakan kebanyakan perkataan sama seperti bahasa Melayu ataupun ada yang telah lupa kerana sudah lama tidak menggunakannya. Untuk pakaian, perkataan yang masih mengalami pengekaln dan digunakan ialah *basahan*, *kain basahan*, *kelambi*, *katok*, dan *gombal* manakala untuk kosa kata peralatan pula ialah *martol*, *gerendo*, *selumbat* dan *gerbal*. *Basahan* merupakan pakaian yang dipakai dirumah. *Kain basahan* merupakan pakaian yang digunakan ketika mandi. *Kelambi* bermaksud pakaian. *Katok* pula merujuk kepada seluar (ada juga memanggil *celana*) dan *gombal* merujuk kepada kain buruk. Dalam kosa kata peralatan, *martol* merujuk kepada penukul. *Selumbat* pula ialah kosa kata bagi sejenis alat untuk mengopek kulit kelapa dan *gerbal* merupakan pencabut paku. *Gerbal* biasanya digunakan untuk mencabut paku rumah dan paku jambatan kayu pada zaman dahulu. Walau bagaimanapun, pengekaln kosa kata ini membuktikan bahawa aktiviti-aktiviti budaya seperti mengopek sabut kelapa masih dilakukan dalam GMJ di Kampong Endah, Selangor. Kesimpulan dalam dua kategori ini dapat dilihat walaupun penutur tidak dapat menyatakan secara tepat mengenai kosa kata dalam kategori yang diberikan khususnya peralatan, pengkaji mendapati masih wujud pengekaln kosa kata Jawa seperti yang dinyatakan di atas walaupun kosa kata dalam kategori ini terhad. Ini membuktikan keselesaan masyarakat menggunakan kosa kata-kosa kata tertentu dalam bidang ini berbanding penggunaan atau peralihan kepada kosa kata bahasa Melayu.

Seterusnya, dalam aspek lain-lain, kosa kata-kosa kata harian yang sering digunakan dalam masyarakat di Kampong Endah adalah melibatkan aspek kehidupan harian mereka. Penggunaan dan pengekalan kosa kata ini meliputi aspek kata ganti nama diri, iaitu seperti *nyong* = aku, *riko/kuey* = awak. Bagi kata kerja, kosa kata seperti *tabok* = pukul, *madang* = makan nasi, *medang* = minum air di kedai, *turu* = tidur, *tangi* = bangun digunakan. Kata adjektif seperti *mumet* = pening, *bacin* = berbau dan *kelalen* = lupa turut dikekalkan. Kosa kata yang mewakili kata nama seperti *kentos* = umbut kelapa, *jamban* = tandas, *dian* = pelita, *babat* = perut lembu dan pelbagai lagi contoh kata nama dan kata kerja dalam kehidupan seharian. Kesimpulan dalam kategori ini dapatlah dikatakan bahawa, walaupun berlakunya peralihan bahasa Jawa kepada bahasa Melayu dan juga percampuran kod bahasa Jawa-Melayu tetapi masyarakat Jawa Kampong Endah khususnya GMJ masih mengekalkan penggunaan kosa kata Jawa yang mereka ketahui untuk mengekalkan warisan dan identiti mereka sebagai masyarakat Jawa Kampong Endah.

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa usaha pengekalan bahasa Jawa masih diteruskan lagi dalam sesetengah perkara ataupun situasi. Merujuk kepada topik teori Fishman, ini adalah kerana terdapat sesetengah masyarakat Jawa ini masih berpegang teguh terhadap budaya serta mengamalkan aktiviti keraian, makanan tradisi, peralatan, pakaian dan lain-lain lagi. Perkara ini sudah pasti memberi kesan kepada pengekalan kosa kata ke atas golongan GMJ yang menjadi subjek kajian dalam penyelidikan ini. Usaha pengekalan kosa kata budaya ini turut terlihat dalam kehidupan GMJ walaupun mereka ini membesar dan hidup dalam zaman perkembangan dan kecanggihan teknologi moden. Kedudukan Kampong Endah di Selangor yang tidak berjauhan dengan bandar-bandar utama, mendorong lagi kemajadian fenomena ini. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan adanya sesetengah daripada mereka ini yang amat berpegang teguh dengan budaya hidup bermasyarakat serta saling bekerjasama, dan ini membolehkan mereka untuk terus mewarisi penggunaan kosa kata Jawa yang ada di Kampong Endah. Terdapat perkara yang menarik perhatian pengkaji, iaitu masyarakat Jawa Kampong Endah ini turut sama melalui zaman teknologi moden (digital) dan mereka masih mengekalkan penggunaan kosa kata budaya ini dalam perbualan harian malah mereka menggunakan kemudahan yang ada untuk berhubung dengan masyarakat Jawa di kawasan lain bagi mengekalkan penggunaan kosa kata Jawa ini berbanding dengan mereka yang berada dalam kalangan generasi Z yang lahir pada zaman digital ini. Pengekalan kosa kata Jawa dalam kalangan mereka ini amatlah sedikit berbanding GMJ yang menjadi subjek kajian ini. Dalam masa yang sama, terdapat juga aspek peralihan bahasa terutamanya dalam aspek pakaian dan peralatan, iaitu sama ada mereka lupa atau sememangnya perkataan itu dipinjam daripada bahasa Melayu atau lain-lain. Begitu juga dengan kosa kata baharu di Malaysia selalunya berkaitan dengan perkara baharu yang sedikit sebanyak menyebabkan mereka hanya menggunakan bahasa Melayu bagi kosa kata-kosa kata baharu manakala kosa kata Jawa hanya bersifat statik (tiada perkembangan bahasa dalam masyarakat) dan cuma dilestarikan dan menjadi kosa kata yang diwarisi secara turun temurun.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti aspek pengekalan kosa kata budaya dalam kalangan GMJ dalam komunikasi harian mereka. Melalui pengaplikasian Teori Pengekalan oleh Fishman (seperti yang disebut oleh Garcia, 2006), Fasold (1984) dan Ostler (2011), kajian ini telah menyenaraikan sebanyak lima item kosa kata budaya, iaitu aktiviti adat dan budaya, makanan tradisional, alatan, pakaian dan lain-lain. Data statistik yang dibentangkan sebelum ini juga berjaya membuktikan bahawa GMJ hari ini semakin kurang dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam komunikasi harian mereka dan wujudnya peralihan bahasa Melayu ke dalam Bahasa Jawa.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, wujudnya pengekalan dan peralihan bahasa Jawa dalam GMJ kini. GMJ semakin kurang dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam komunikasi harian mereka malah,

mereka lebih cenderung melakukan pengekalan ini hanya dalam ruang lingkup tertentu, iaitu seperti budaya terutamanya dalam item-item yang telah dinyatakan di atas tadi. Kajian ini turut membuktikan bahawa aspek pengekalan bahasa Jawa masih berlaku dalam aspek budaya dalam kalangan GMJ di Kampong Endah walaupun asimilasi terhadap bahasa Melayu itu telah tersebar luas dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampong Endah. Fenomena ini mencerminkan masyarakat Jawa yang ada hari ini masih mengekal dan menjalankan aktiviti-aktiviti budaya dalam persekitaran mereka. Usaha-usaha pengekalan bahasa oleh masyarakat Jawa di Kampong Endah terlihat melalui aspek pengekalan budaya yang masih wujud seperti aktiviti *bancaan*, *jiblon*, *rewang*, *monjong* dan banyak lagi. Merujuk kepada teori pengekalan dan peralihan bahasa, proses ini berlaku kerana masyarakat masih berpegang kuat dengan amalan tradisi, oleh yang demikian teori tersebut menyokong hasil kajian ini. Pada masa yang sama, hal ini turut menunjukkan berlakunya peralihan bahasa Jawa kepada bahasa Melayu oleh masyarakat Jawa di Kampong Endah, iaitu yang dapat dilihat melalui faktor-faktor pengaruh luar dan sikap.

Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Jawa yang ada hari ini sudah berasimilasi dengan kemajuan negara yang ada dan ditambah dengan jaringan pergaulan tanpa sempadan dengan masyarakat luar. Pertuturan dan penggunaan bahasa harian dalam kalangan masyarakat Jawa hari ini lebih berpegang kepada struktur nahu bahasa Melayu berbanding Jawa. Oleh yang demikian kajian ini mendapati GMJ yang ada pada hari ini lebih selesa dan terdedah dengan bentuk penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi seharian mereka. Dengan adanya kajian yang mengaplikasikan Teori Pengekalan ini maka pengkaji dan penyelidik bahasa yang lain dapat melihat sejauh mana proses pengekalan ini berlaku dalam kalangan masyarakat Jawa dan sejauh mana kosa kata Jawa yang ada ini mampu terasimilasi dengan bahasa Melayu sehingga sebahagian daripada kosa kata Jawa ini dapat diterima pakai dalam konteks rasmi mahupun ilmiah. Kajian ini turut menyumbang dalam mengayak inventori kosa kata Melayu yang ada kini, iaitu berkebolehan dalam meluaskan lagi fungsi dan konsep penggunaan kosa kata Melayu yang ada hari ini. Kajian yang mengambil kira teori pengekalan ini sesungguhnya dapat menyumbang idea kepada para pengkaji bahasa akan datang untuk diguna pakai kepada bahasa-bahasa minoriti lain yang ada di negara ini. Usaha ini juga bukan sahaja mampu menyediakan satu inventori kosa kata, malah turut melestarikan leksikon bahasa yang semakin pupus. Selain itu, usaha penyelidikan seperti ini turut perkayakan aspek linguistik dalam bahasa itu sendiri mahupun budaya dalam masyarakat yang dikaji.

Rujukan

- Abd, H. K., Karim, H. (2017). "Diglosia" dan "Loyalti" Bahasa dalam kalangan Masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*, 21(2). Artikel 048-059. ISSN 1823-9242
- Alexander, J. S. Hazlina, A. H., Burkhardt, J. M., (2019). A Study on the Frequency of Dusun Language Use among Secondary School Students. *Jurnal Linguistik*, 23(1). Artikel 032-040. ISSN 1823-9242
- Azie Yahaya. (2019, Mei 26) "Kekalkan Tradisi Masyarakat Jawa". Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/29930/EDISI/Selangor-KL/Kekalkan-tradisi-masyarakat-Jawa>
- Fasold, R.W. (1984). *The Sociolinguistics and Society*. Basil Black Well.
- Fishman, G. S. (1964). Language Maintenance and Language Shift as a Field of Inquiry. Definition of the Field and Suggestions for its Further Development. *Linguistics – An Interdisciplinary Journal of the Language Sciences*, 9, 32–70.
- Fishman, G. S. (1968). *Readings in the Sociology of Language*. The Hague.
- Fishman, G. S. (1972). *The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society*. Newbury House.
- Garcia, O., Peltz, Rakhmiel, Schiffman H., Fishman, G. S. (2006). *Language Loyalty, Continuity and Change*. Cromwell Press Ltd.
- Hotma Simanjuntak. (2017) *Pengekalan dan Peralihan Bahasa dalam kalangan Orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia* (Tesis tidak terbit.), Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.

- Karim, H., Maslida, Y. (2015). Komunikasi Bahasa Melayu-Jawa dalam Media Sosial. *Jurnal Komunikasi*, 31(2). Artikel 617-629.
- Kedrebeogo, G. (1998). Language Maintenance and Language Shift in Burkina Faso: The ase of the Koromba. *Studies in Linguistic Sciences*, 28(2).
<https://www.ideals.illinois.edu/bitstream/handle/2142/11569/SLS1998v28.215Kedrebeogo.pdf?sequence=2>
- Soijah, L. (2009). Kelestarian Budaya Orang Melayu Keturunan Jawa dan Perdamaian: Kajian Kes di Pontian Johor [Simposium]. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia SKIM-XI*, Bandung, Indonesia.
- Khazin, M. T. (1977). Orang Jawa di Selangor Kedadangan dan Penempatan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 07-08. 68-97. ISSN 2180-0251
- Mohd Majid Konting. (2005). *Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad, F. P., Normahdiah, S. S., (2014). Pengaruh Bahasa Jawa dalam Pembauran Kod Golongan Muda Melayu Berketurunan Jawa. *International Journal of Malay World and Civilisation*, 2(3). Artikel 77-85.
- Nurul, A. M. S., Sharifah, R. S. J. (2017). Struktur Suku Kata Dasar Bahasa Jawa Parit Sulong. *Jurnal Melayu*, 16(1). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ostler, N. (2011). Language Maintenance, Shift, and Endangerment. Dalam Rajend, M. (Ed.), *The Cambridge Handbook of Sociolinguistics* (315-334). Cambridge University Press.
- Pauwels, A. (2016). *Language Maintenance and Shift*. Cambridge University Press.
- Selvajothi @ Pillai Ramalingam (2017). *Peralihan dan Pengekalan Bahasa Tamil dalam Kalangan Masyarakat Tamil di Kuching, Sarawak*. (Tesis tidak terbit), Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. (2003). *Mass Media Research: An Introduction*. Cengage Learning Publication.

Biodata Penulis

Mardian Shah Omar merupakan pensyarah kanan di Jabatan Linguistik, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.